

Headline	Agih lima kawah bubur lambuk, tumbang lembu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14,15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1392 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Shaarani Ismail shaarani@bh.com.	AdValue	RM 47,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 143,400



# Agih lima kawah bubur lambuk, tumbang lembu

» *Destinasi terakhir Semarak Ramadan 2014 dapat kerjasama padu penduduk*

Oleh Shaarani Ismail  
shaarani@bh.com.my

► **Batu Gajah**

**P**rogram Semarak Ramadan 2014 anjuran bersama BH, Bank Islam Malaysia Bhd dan Tourism Perak yang diadakan di Masjid Al Hidayah, Kampung Seri Kulim, di sini, menutup tirainya semalam.

Kerjasama padu yang ditunjukkan masyarakat sejak awal program bermula jam 3 pagi dengan majlis bersahur bersama penghuni Rumah Anak Yatim Solehah di Kampung Papan disusuli program mengimarahkan Ramadan melalui program Qiamulail, solat sunat Tahajud dan solat hajat di Masjid Al Hidayah turut mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat setempat.

Sebaik selesai menyempurnakan solat subuh, warga kariah kemudian bekerjasama menumbangkan seekor lembu untuk dijadikan santapan pada majlis berbuka puasa, yang berjaya diselesaikan dalam masa hanya sejam.

Kerjasama dan keceriaan majlis turut diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian negeri, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi yang

juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tualang Sekah.

Nolee Ashilin yang datang sebaik kerja melapah lembu selesai turut bersama Pengarang Eksekutif Mingguan/BH2, Zainor Said serta penduduk setempat memotong daging dan membantu menyediakan lima kawah bubur lambuk yang kemudian diagihkan kepada pengunjung bazar Ramadan di kawasan berhampiran.

## Juadah istimewa

Bubur lambuk Masjid Al Hidayah menjadi antara bubur lambuk yang dinanti-nanti dan difahamkan yang paling diminati masyarakat setempat berikutan rasanya yang unik dan sering dijadikan juadah istimewa ketika berbuka puasa.

Penduduk kampung dari pelbagai lapisan masyarakat sejak awal lagi bergotong-royong memasang khemah sejak Sabtu menyemarakkan budaya bergotong-royong yang sejak sekian lama

sebagai dengan masyarakat setempat selain turut memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi menjayakan program berkenaan.

Kampung Seri Kulim di sini menjadi destinasi akhir program

Semarak Ramadan 2014 sebelum ia melabuhkan tirainya tahun ini.

Sebaik selesai solat Asar, Nolee Ashilin bersama Zainor, Pengurus Projek Khas BH, Mohd Hazrul Rabu dan Ketua Biro BH Perak, Jalal Ali Abdul Rahim serta masyarakat setempat bersama-sama mengedarkan apron dan bubur lambuk kepada kira-kira 300 peniaga Bazar Ramadan Dataran Orkid dan kembali semula ke pekarangan Masjid Al Hidayah bagi acara perasmian.

Terdahulu, pada awal pagi semalam, kru Semarak Ramadan BH 2014 disambut ceria bagi menjayakan program bersahur bersama di Asrama Anak Yatim Soleha di Kampung Air Papan dekat sini.

Setibanya kru bersama masyarakat setempat yang terdiri daripada ahli jawatankuasa Masjid Al Hidayah, kesemua 24 penghuni sudah sedia menyambut kedatangan dengan penuh mesra.

Pengurus asrama berkenaan, Mohd Ali Ho Soom Ali, berkata pihaknya mengalu-alukan program seumpama itu dalam meraikan anak yatim di asramanya bagi membolehkan mereka merasa pengalaman bersahur bersama orang ramai.

Headline	Agih lima kawah bubur lambuk, tumbang lembu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14,15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1392 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Shaarani Ismail shaa ra n i@bh .com.	AdValue	RM 47,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 143,400



**Nolee Ashilin (kanan) dan Zainor (tengah)** membantu membuat persiapan Semarak Ramadan 2014.



**Penduduk Kampung Seri Kulim** membuat persiapan Semarak Ramadan 2014 anjuran BH, Bank Islam dan Tourism Perak di Masjid Al-Hidayah di Batu Gajah, semalam.  
FOTO SUPIAN AHMAD/BH